



Warga Proaktif, INTURA Inovatif

Lawatan Penandaarasan EKSA

Selepas berjaya memperoleh pensijilan Amalan 5S Sektor Awam daripada MPC pada 2011, INTURA kini sedang berusaha ke arah pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) daripada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). EKSA telah diperkenalkan mulai Januari 2014 sebagai inisiatif penjenamaan semula Amalan 5S Sektor Awam dengan mengambil kira keperluan bagi menetengahkan persekitaran tempat kerja yang berkualiti dan kondusif supaya lebih relevan kepada jabatan/agensi sektor awam di Malaysia.



Taklimat daripada En. Faudzi Saad

Beberapa program telah diadakan ke arah pelaksanaan EKSA di INTURA, antaranya majlis pelancaran, gotong-royong, dan lawatan penandaarasan. Lawatan Penandaarasan EKSA ke Institut Aminudin Baki (IAB) Cawangan Utara, Jitra, Kedah telah diadakan pada 6 Mac

2015. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk meninjau dan berkongsi idea mengenai pelaksanaan amalan EKSA di IAB Cawangan Utara.



Lawatan ke Pusat Sumber IAB

Lawatan penandaarasan ini diketuai oleh Pn. Aishah Musa selaku Penyelaras EKSA INTURA bersama 30 orang warga INTURA. Sesi taklimat dan perbincangan telah dikendalikan oleh En. Faudzi Saad, Ketua Jabatan Pengurusan Kualiti dan Inovasi, IAB. Seterusnya para peserta dibawa melawat ke sekitar bahagian dan unit di IAB untuk melihat amalan pelaksanaan EKSA di situ.

Diharapkan dengan lawatan ini para peserta dapat menimba sedikit sebanyak pengalaman dan pengetahuan dalam usaha pelaksanaan EKSA di INTURA dan seterusnya berjaya memperoleh pensijilan EKSA.

Program 10,000 Langkah

Lanjutan daripada Kempen Berjalan 10,000 Langkah yang dilancarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2009, pelbagai agensi kerajaan, syarikat korporat dan NGO turut mengadakan aktiviti Berjalan 10,000 Langkah masing-masing. Antaranya termasuklah Langkah Ceria @ Putrajaya oleh Perbadanan Putrajaya, Purple Walk oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, AVON Breast Cancer Awareness Walk, TESCO Walk of Life, NESTLE World Walking Day dan lain-lain lagi.

INTAN Wilayah Utara dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Daerah Kuala Muda telah menganjurkan Program 10,000 Langkah untuk warga INTURA pada 20 Mac 2016. Program bermula pada pukul 8:30 pagi di mana para peserta berkumpul di Dataran INTURA untuk melakukan aktiviti regangan sebelum memulakan aktiviti berjalan sejauh lebih kurang 6.5 km mengelilingi kawasan INTURA. Turut hadir menjayakan program ini ialah Dr. Zurina Abdul Hamid, Pengarah INTURA dan Pn. Maznah Bandede dari Jabatan Belia dan Sukan Daerah Kuala Muda.



Dr. Zurina mengetuai Program 10,000 Langkah INTURA

Tahniah Penerima APC INTURA



Berdiri dari kiri:

Pn. Nor Silawati Idris, Pn. Asiah Abdullah, En. Mohd. Ishak Mat Jam, En. Ramzi Akmal Hassan, Dr. Zurina Abdul Hamid, Pn. Sabariah Sabarudin, Pn. Fauziah Omran, En. Abd. Aziz Yusof, dan Mohammad Jelani Ismail

Transformational Leadership Linked to Positive Effects on Well-Being

Transformational leadership is a style that is often linked to positive group outcomes. What exactly is a transformational leader? These individuals are often described as inspiring, energetic, passionate, and enthusiastic. They focus on sharing their vision with the group and helping followers succeed. According to the results of one study, this style of leadership can also have a positive influence on employee well-being.

Study Suggests Transformational Leadership Linked to Well-Being

The study, published in the *Journal of Occupational and Environmental Medicine*, involved surveying workers at several different German information and communication technology companies. Researchers asked participants to answer questions about their employer's leadership style. A score for transformational leadership was then determined based on qualities such as providing intellectual stimulation, giving positive feedback for good performance, leading by example, and helping employees feel like they were making a contribution toward the goals of the group.


The researchers discovered that employees who identified a higher level of transformational leadership in their employers also had higher reported levels of well-being. The effect stayed significant even after researchers controlled for factors that are linked to well-being such as job strain, education, and age.

"The results of this study suggest that a transformational leadership style, which both conveys a sense of trust and meaningfulness and individually challenges and develops employees, also has a positive effect on employee well-being," the authors summarized.

Real-World Applications


So what impact could such results have for managers and workers? The study's authors suggest that the results are important and can help companies develop leadership training programs that can be used to teach transformational leadership skills. Acquiring communication skills such as resolving conflicts in the workplace and recognizing the needs of employees are an important part of transformational leadership.

"Such training programs can be seen as another essential component of workplace health promotion and prevention efforts and therefore should receive wide support," explained the study's authors.




Extract from <http://www.about.com>


Bahan Bacaan Pilihan Bulan Mac



Buku ini boleh dijadikan panduan komprehensif yang menyenaraikan beberapa strategi untuk membantu anda mengenal pasti kekuatan dalam kepimpinan, mencapai matlamat dan meningkatkan keyakinan diri, menyingkirkan mentaliti "kami vs. mereka", menjadi anggota pasukan yang aktif, mengimbangi kerjaya dan masa lapang, mengawal kebimbangan dan memberi semangat dalam hidup serta banyak lagi.



Berhubung adalah skil yang anda dapat pelajari dan aplikasikan dalam urusan peribadi, professional dan hubungan kekeluargaan. Buku ini berkongsi lima amalan bagi membina kemahiran asas berhubung iaitu mencari landasan persamaan, memastikan komunikasi anda sentiasa ringkas, menarik minat pendengar, memberi inspirasi kepada pendengar, dan mengekalkan hubungan yang autentik.



Buku ini menjelaskan bagaimana untuk mengutamakan peluang pasaran supaya kekuatan syarikat di dalam satu kawasan itu boleh dimanfaatkan merentasi pelbagai pasaran. Keputusan yang strategik diperlukan untuk menentukan ruang menyediakan margin yang terbaik, keuntungan keseluruhan, dan potensi pertumbuhan. Memuatkan langkah demi langkah proses untuk keutamaan strategik, dari pemilihan pasaran strategik kepada taktik pelaksanaan, menyediakan kelebihan daya saing merentasi pasaran.

PROGRAM 10,000 LANGKAH INTURA



Hadis Pilihan

Adab Ketika Masuk ke Rumah Orang Lain

Hadis

Daripada Abu Musa al-Asy 'ari RA katanya, Rasulullah SAW bersabda, "Meminta izin untuk masuk ke rumah orang lain hendaklah dilakukan sebanyak tiga kali. Jika kamu diberi keizinan maka masuklah dan jika kamu telah lakukan yang demikian, tetapi tidak ada jawapan maka hendaklah kamu balik."

(Hadith Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Huraian

1. Wajib meminta izin daripada tuan rumah untuk

masuk ke rumahnya dan sunat memberi salam sehingga tiga kali.

2. Sekiranya salam yang diberi sebanyak tiga kali itu tidak mendapat jawapan daripada penghuni rumah atau tempat kediaman, seseorang dilarang oleh syarak untuk masuk ke dalam rumah tersebut.
3. Di antara adab sopan yang diperintahkan oleh syarak kepada seseorang yang hendak masuk ke rumah orang, ialah dengan memberi ucapan salam terlebih dahulu.

Sumber: JAKIM

Tahukah Anda ?

Masjid Putra menjadi masjid pertama di bawah kendalian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menerima sijil pengiktirafan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) daripada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Pensijilan itu adalah bagi tahap Cemerlang pelaksanaan EKSA untuk tempoh dua tahun iaitu bermula 1 Disember 2014 sehingga 30 November 2016. Timbalan Ketua Pengarah Transformasi dan Pemodenan Pengurusan MAMPU Dr Aizi Razman Ismail berkata, pengiktirafan itu juga menjadikan Masjid Putra sebagai peneraju EKSA bagi Kluster Masjid sekali gus boleh dijadikan contoh kepada masjid lain di bawah kendalian JAKIM.

petikan daripada www.hmetro.com.my
(24 Disember 2014)

Kursus Sepanjang April 2016

KURSUS BERJADUAL

1. Kursus Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan
11/04/2016 hingga 13/04/2016
2. Kursus Protokol dan Etiket Sosial
11/04/2016 hingga 13/04/2016
3. Kursus Pengukuhan Pasukan (PDRM Kedah)
11/04/2016 hingga 14/04/2016
4. Bengkel Penyediaan MPK dan FM
11/04/2016 hingga 14/04/2016
5. Bengkel Analisa Keperluan Latihan
18/04/2016 hingga 20/04/2016
6. Kursus Tatacara Pengurusan Stor
18/04/2016 hingga 20/04/2016
7. Bengkel Pengurusan Tatatertib
18/04/2016 hingga 20/04/2016
8. Kursus Pengukuhan Pasukan (JTK)
18/04/2016 hingga 21/04/2016
9. Kursus Pengacaraan Majlis
25/04/2016 hingga 27/04/2016
10. Bengkel Penyediaan MPK dan FM
25/04/2016 hingga 28/04/2016
11. Kursus KIK Untuk Fasilitator
25/04/2016 hingga 28/04/2016
12. Kursus Kepimpinan Pasukan
25/04/2016 hingga 28/04/2016

1 Sentiasa Di Hadapan Memacu Transformasi Melalui Pembelajaran



INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA
KAMPUS WILAYAH UTARA
PETI SURAT 94, JALAN KUALA KETIL
08007 SUNGAI PETANI, KEDAH
Tel : 04-4218321 Faks : 04-4214489

www.intanbk.intan.my

maklumbalas@intura.intan.my

INTAN Kampus Wilayah Utara

Untuk pertanyaan kursus hubungi :

Setiasaha Kursus : 04-4218321

samb. **238** (Pn. Nazmeen bt. Shaik Daud/ Pn. Ku Intan Shakinah bt. Ku Ahmad)

samb. **118** (Pn. Mimi Noorzan bt. Abd Hamid/ Pn. Zuraida bt. Chin)